

**KOLEJ TUN DR. ISMAIL**

**TUN DR. ISMAIL COLLEGE**

**كوليج تون دوكتور اسماعيل**

Rujukan Kami : UPM.KTDI.100-1/8/1

Tarikh : 29 April 2024

**Pelajar-pelajar**

Kolej Tun Dr Ismail

Universiti Putra Malaysia

**Siswa/Siswi,**

**CUTI PERTENGAHAN SEMESTER KEDUA, SESI 2023/2024**

Adalah dimaklumkan bahawa cuti di atas akan bermula dari **6 hingga 12 Mei 2024 selama satu (1) minggu**. Sehubungan itu semua pelajar Kolej Tun Dr Ismail dikehendaki mengambil perhatian dan tindakan seperti berikut:

**1. Kunci Bilik :**

**Kunci bilik tidak perlu dikembalikan**, namun semua pelajar dikehendaki meninggalkan bilik dalam keadaan bersih, pintu dan tingkap dikunci serta memastikan semua suis alatan elektrik dipadamkan sebelum meninggalkan bilik.

**2. Penyimpanan Barang :**

**Pelajar boleh menyimpan barang di dalam bilik** tetapi pihak pengurusan kolej tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan barang yang disimpan. Pastikan barang yang berharga dibawa pulang.

**3. Kesalahan Dan Denda:**

Pelajar yang menumpangkan orang lain di bilik mereka akan dikenakan denda RM50.00 dan dipotong mata merit sebanyak 10 mata.

Staf dan Felo akan membuat pemeriksaan di setiap blok dan bilik dari masa ke semasa bagi memastikan pematuhan peraturan kolej kediaman oleh semua pelajar.

Pihak pengurusan kolej mengucapkan terima kasih di atas perhatian dan kerjasama yang diberikan.

**"SELAMAT BERCUTI DAN BERHATI-HATI DI JALAN RAYA"**

Sekian.

**"BERILMU BERBAKTI"**

Yang menjalankan amanah,

**DR. MOHD HAFIZ MOHD ZAID**

Pengetua

Kolej Tun Dr Ismail

Universiti Putra Malaysia